



سمبوتن هاري بليا كيتشا ان

**SAMBUTAN
HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE - II, 2016**

"Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi"

Hari Khamis

3 Safar 1438H

bersamaan

3 November 2016M

Tempat

Dewan Plenari,

Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas,

Negara Brunei Darussalam

سمبونت هاري بليا كبغشائن كاليك- ١١، ٢٠١٦

*Sambutan Hari Belia Kebangsaan
Kali Ke-11, 2016*

Belia Berwawasan : Pemangkin Transformasi

Tempat
Dewan Plenari,
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



Titah Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-10, 2015

*Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan
Kali Ke-10, Tahun 2015
Pada hari Selasa, 17 Zulkaedah, 1436
bersamaan 1 September, 2015
di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dapat berkumpul untuk menyambut Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015 yang bertema : Belia Berwawasan Menjana Ekonomi.

Beta terlebih dahulu mengucapkan Selamat Menyambut Hari Belia kepada semua para belia di negara ini.

Beta amat teruja dengan bertambahnya bilangan profesional, usahawan, karyawan dan tenaga mahir di kalangan para belia kita.

Kita juga berbangga dapat menyaksikan belia-belia itu sudah mula menceburkan diri di bidang-bidang yang kurang diminati, seperti bidang bertanam padi dan membuat kerja-kerja lasak seperti memandu kenderaan berat dan *scaffolding*.

Demikian juga, golongan belia telah mula terlibat menerokai bidang-bidang baru, seperti bidang industri kreatif, dan juga tidak ketinggalan untuk mencebur pasaran luar negara.

Kaum belia juga didapati aktif melakukan kerja-kerja amal atau sukarela, dan ini, bukan sahaja dilakukan di dalam negara malahan juga di luar negara. Semua itu, amatlah membanggakan kita.

Kaum belia memang digalakkan untuk melakukan apa jua perkara yang bermanfaat, terutama untuk meneroka bidang-bidang baru atau sanggup membuat kerja-kerja lasak, seperti turun ke sawah di bawah panas matahari dan lain-lain. Ini semua sangatlah berguna kepada belia, selaku ejen masyarakat.

Menyebut belia ejen masyarakat, adalah penting bagi mereka itu, untuk memiliki jati diri dan sikap yang mantap.

Kerana tanpa jati diri dan sikap, seorang belia itu tidak akan dipandang hebat.

Maksud Beta dengan jati diri di sini, ialah yang original, yang asli, yang bukan disalin atau ditiru daripada orang lain, lebih-lebih lagi kalau yang ditiru itu bertentangan dengan budaya dan adab sopan kita yang baik.

Salah satu contoh budaya dan jati diri yang baik orang-orang Brunei, ialah suka memakai songkok. Sehingga dalam banyak keadaan, mereka itu dapat dilihat memakainya terutama sekali ketika sembahyang dan membaca Al-Qur'an.

Ia sangat sopan dan cantik dipandang mata, dan bahkan, ia juga menjanjikan pahala kepada kita. Kerana bukankah menutup kepala itu salah satu dari sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam?

Tapi agak malang, di era mutakhir ini, orang sembahyang dan membaca Al-Qur'an pun sudah ada yang tidak memakai songkok. Ini bukan budaya dan jati diri kita, tetapi satu budaya baru yang didapati dari luar, termasuk yang ditiru dari media.

Beta ingin berpesan, kalau hendak meniru pun, biarlah yang baik, bukan meniru perkara yang tidak baik, apatah lagi yang merugikan.

Ini adalah di antara cabaran yang sedang menunggu para belia kita, di mana mereka itu sangat penting untuk mengelakkan diri daripada terjebak atau terperangkap oleh aliran-aliran budaya baru yang tidak menentu.

Sebaliknya para belia, dikehendaki supaya proaktif dalam memupuk dan memelihara budaya warisan, bukannya membiarkan budaya itu hakis atau mati.

Misalnya budaya dan seni mempertahankan diri, yang kita warisi semenjak sekian lama itu, adakah kita sudah berpuas hari dengannya, ataupun kita sedang cemas kerana mendapatinya sedang dikecam oleh perubahan atau pembaharuan yang menjelaskannya?

Kita bukanlah anti perubahan atau pembaharuan itu, tetapi biarlah perubahan atau pembaharuan tersebut jangan sampai mengurangkan mutu dan sekaligus melunturkan ketulenan warisan. Kita sepatutnya mempertahankan warisan dan memberinya nafas yang baru, bukan menyebabkan ia layu dan lumpuh. Inilah tugas para belia bangsa.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Kata Alu-Aluan

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعليه أمانة
وصحبه أجمعين



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juga sekali lagi kita dapat mengadakan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11, Tahun 2016.

Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11, Tahun 2016 menyembahkan ucapan menjunjung kasih setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan manifestasi atau petanda keprihatinan mendalam Baginda terhadap agenda pembangunan belia.

"Belia Berwawasan: Pemangkin Transformasi" adalah tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada kali ini. Tema ini membawa mesej yang penuh makna bagi belia selaku generasi penerus pembangunan Negara yang akan dapat mendukung usaha merealisasikan Wawasan Negara 2035 iaitu ke arah rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Keterlibatan belia sebagai pemangkin transformasi di dalam transformasi Negara adalah penting. Perubahan, penghijrahan dan transformasi adalah kemestian dalam usaha menuju Negara yang maju dan dinamik dan ianya memerlukan asas-asas dan pendekatan yang transformatif bagi mencapai cita-cita tersebut.

Sebagai Belia yang berwawasan yang mempunyai pandangan jauh tentang kemajuan dan perkembangan bangsa dan negaranya dan menghargai segala usaha membangun dan memperkasa mereka, haruslah tampil berani ke hadapan dan sama-sama bertindak selaku pemangkin kepada transformasi negara dan bangsa seperti mana yang dihasratkan. Transformasi menuntut kepada tekad yang bulat serta bersedia menghadapi pelbagai cabaran-cabaran yang akan ditempuh. Transformasi mindset dan penentuan dalam membuat keputusan juga merupakan satu titik tolak yang kritikal ke arah kejayaan dan kecemerlangan yang lebih mantap.

Format Sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun ini mengekalkan aturcara teras dan ditambah dengan acara mengetengahkan belia dengan pencapaian mereka perhimpunan ramah mesra belia. Perhimpunan raksasa belia ini, memindah venue mengadakan Sambutan daripada kebiasaan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanil Bolkiah ke Pusat Persidangan Antarabangsa.

Dalam pada itu, trofi Anugerah sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan melalui proses transformasi. Trofi baharu yang diperkenalkan pada Sambutan tahun ini semata-mata untuk menggambarkan belia masakini yang perlu terus dinamik dalam menyahut cabaran kehidupan masa hadapan dan meneruskan pembangunan yang mampan.

Perlambangan kepada trofi memberi tafsiran-tafsiran yang tajam nilai-nilai murni yang patut ada dalam hati dan jiwa belia.

Semoga Sambutan Hari Belia Kebangsaan ini akan terus dapat menyuntik semangat dan menjadi inspirasi kepada generasi belia di negara ini khususnya dan masyarakat amnya agar kita dapat sama-sama berganding bahu di dalam merealisasikan aspirasi Raja, bangsa, ugama dan negara yang tercinta.

**PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B)
DATO PADUKA SERI HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD. YUSSOF**
*Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11, 2016*

Ikrar Belia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DENGAN BERSYUKUR
KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA
KAMI BELIA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BERIKRAR
TAAT KEPADA ALLAH
SETIA KEPADA RAJA
CINTA KEPADA NEGARA
MENDUKUNG KEPIMPINAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
SEBAGAI NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA
MEMATUHI PERLEMBAGAAN NEGARA
DAN UNDANG-UNDANG,
BERAKHLAK MULIA DAN TERPUJI

Pembaca Ikrar :

1. Yang Mulia Dr. Muhamad Ezam bin Haji Emran

Beliau ialah seorang Pakar Kardiologi muda di Negara Brunei Darussalam. Bertugas sebagai Pemangku Konsultan Kardiologi di Hospital RIPAS. Beliau juga memegang jawatan Timbalan Ketua Unit Kardiologi dan Bendahari kepada Persatuan Kardiologi Brunei Darussalam. Graduan dalam Bidang Perubatan dari Universiti Nottingham, United Kingdom, Ahli Royal College of Physicians Edinburgh dan Fakulti Akademi Perubatan, Singapura (Jurusan Kardiologi).

Pengiring :

1. Yang Mulia Awangku Haji Mohammad Zaki bin Pengiran Dato Paduka Haji Zaini

Jurutera Struktural (Laut), Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad. Lulu "Master of Engineering (MEng) in Civil Engineering, First Class Honour".

2. Yang Mulia Kapten Dayang Sharifah Czarena Suriany binti Syed Haji Hashim

Juruterbang Penerbangan Diraja Brunei. Wanita Pertama Negara Brunei Darussalam berjawatan Kapten.

ATUR CARA

- 09.00 pagi - Para Jemputan hadir
- 09.30 pagi - Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara
- 10.00 pagi - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja.
- Lagu Kebangsaan
 - Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat
 - Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan
 - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - Ikrar Belia
 - Persembahan Koir Transformasi Belia dan Tayangan Video

- Pengumuman Penerima Anugerah
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung menyempurnakan Penyampaian Anugerah
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja berangkat bagi Perhimpunan Ramah Mesra Belia
- Santap / Jamuan Ringan
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis
- Majlis Bersurai

Sínopsis Tema

Belia Berwawasan : Pemangkin Transformasi

Tonggak dan masa hadapan sesebuah negara seringkali dikaitkan dengan kekuatan dan kehebatan sumber tenaga manusia yang cemerlang dan berdaya tahan. Sumber tenaga manusia yang berdaya tahan merupakan engin utama sesebuah negara. Pada tahun ini tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11, 2016 adalah **Belia Berwawasan : Pemangkin Transformasi**. Tema pada tahun ini mengandungi dua frasa ayat yang melambangkan aspirasi serta visi dan misi negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Belia Berwawasan. **Belia** menurut Dasar Belia Negara membawa maksud kumpulan atau kelompok individu yang berumur 15 hingga 40 tahun. **Berwawasan** pula membawa maksud pandangan jauh tentang atau perkembangan masa depan sesuatu atau negara. Gabungan kedua perkataan ini bermakna, harapan atau visi negara untuk melahirkan kumpulan atau kelompok individu yang mempunyai pandangan jauh tentang atau perkembangan masa depan sesuatu atau negara. Gabungan kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud kelompok atau individu berjiwa besar dan syummul sesuai dengan calak atau budaya keBruneian yang mempunyai *weltanschauung* yang sangat jauh. Di dalam Surah Al-Kahfi ayat 13 ada menyatakan :-

"Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi dengan hidayah petunjuk."

Abu Al-Hassan Al-Nadwiⁱ dalam siri-siri syarahannya dan tulisan buku khusus bagi membincarkan perihal Surah Al-Kahfi yang mengupas dengan lebih mendalam tentang *ashab al-Kahfi* iaitu *al-Sira' Bayna al-Iman wa al-Maddiyah* :-

"Ayat yang telah dinyatakan ini adalah satu pelajaran buat para pemuda Islam yang berintelektual, memiliki himmah yang tinggi dan kecerdikan yang tajam, digolongkan mereka dalam (golongan yang punya) kekuatan yang mulia dan kebijaksanaan yang melimpah ruah, membara kecaknaan mereka, tanpa ada pada mereka kesombongan dan takabbur..."

Frasa kedua pula mengandungi unsur-unsur penegasan kepada mencapai visi dan misi negara menerusi Wawasan Brunei 2035. **Pemangkin Transformasi**. **Pemangkin** menurut Kamus Dewan membawa maksud faktor, persekitaran yang mempercepat sesuatu tindakan atau perubahan. **Transformasi** pula menurut Kamus Dewan membawa maksud perubahan rupa, bentuk, sifat dan sebagainya. Pemangkin Transformasi menurut konteks tema ini adalah faktor penentu atau persekitaran yang mempercepat sesuatu tindakan atau perubahan dalam konteks kehidupan bernegara dan bermasyarakat.

Jelas di sini, tema Generasi Berwawasan Pemangkin Transformasi bukan hanya sekadar tema sahaja tetapi ia merupakan gagasan atau visi negara untuk mencapai pembangunan. Di era memuncak informasi dan teknologi yang serba persaingan, anak muda sekarang bangkit dalam merubah sudut perspektif transformasi sosial tidak kira dari segi diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara untuk kemajuan sejagat. Dalam konteks sosial, anak muda atau belia penggerak penting atau dominan '*first impression*' atau padang pertama di mata masyarakat dunia. Para belia juga dilihat mempunyai posisi "*agent of change*" yang tinggi dalam mempengaruhi perubahan hala tuju kemajuan negara. Melalui tema ini para belia tidak lagi boleh dilihat sebagai pemimpin masa hadapan tetapi perlu dilihat sebagai pemimpin hari ini untuk masa hadapan [*The Future Is Now*].

¹Razif Fuad, *Idea-Idea Kepemudaan Abu Al-Hasan Al-Nadwi*; di dalam buku Komuniti Jejak Tarbiah : Lalu Aku Hidup Sebagai Apa? Mengupas Pemikiran Buya Hamka. DuBook Press Sdn. Bhd, 2015.

Lirik Lagu Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi

Komposer : Yang Mulia Awang Mohd Abu Sofian bin Mohd Alinoordin

Lirik : MAHADI

Tonggak Negara adalah sumber manusianya
Cemerlang dan berdaya tahan
Penggerak Wawasan Bangsa dan Negara
Mempertahankan agama, raja dan Negara

Kami belia berwawasan mulia
Menyambung pembangunan mampan
Kami pemangkin transformasi Negara
Mencapai Wawasan yang Gemilang

Chorus;
Kami Syummul
Kami bersatu
Berjiwa besar bercalak kebruneian

Kami beriman
Kami berilmu
Kami pemangkin transformasi Negara

Kami sahut gagasan Negara
Mencapai pembangunan yang diinginkan
Di era yang serba persaingan
Kami bangkit mencapai Wawasan



*Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan
Kali Ke-11, 2016*


Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan Kali Ke - 11, 2016



Perlambangan Trofi

Rekabentuk Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2016 merupakan arca moden (modern sculpture) menggambarkan belia yang terus dinamik dalam menyahut cabaran kehidupan masa hadapan dan meneruskan pembangunan yang mampan. Pangkal (base) trofi ini ialah bentuk bahtera berlayar yang menggambarkan para belia yang menyedari peranan dan akan tetap bersemangat menyahut seruan untuk membangun bangsa dan Negara. Bentuk sebelah atas menunjukkan belia yang bersedia menanai hasrat Wawasan Negara 2035.

Perlambangan lain reka bentuk trofi ini termasuk;



Bahtera melambangkan Negara sebagai pasak kepada pembangunan belia yang maju dan dinamik. Bagi bahtera dapat belayar ke destinasi memerlukan kemudi dan pandu arah begitu halnya dengan belia memerlukan Polisi dan Hala Tuju bagi memastikan mereka akan menyambung/memungkin agenda pembangunan bangsa dan Negara.



Belia adalah tunas bangsa, umpama benih yang dipelihara dengan baik dan sempurna, sebelah atas bertunas menjadi pohon yang subur dan cantik, (warganegara yang mantap dan berjaya) manakala sebelah bawah benih akan berakar umbi dengan kekuatan (ketahanan identiti dan budaya bangsa).



Abjad 6 – 6 Bidang Strategi Dasar Belia Negara – Pendidikan Perkembangan Diri, Pekerjaan dan Latihan, Kepimpinan, Daya Usaha, Persefahaman Antarabangsa dan Perkhidmatan Kepada Orang Lain dan Negara dengannya menjulang ketahanan dan keutuhan.



Layer Bahtera dan Kain Tenunan Brunei, lambang belia yang berwawasan dan berjaya memiliki nilai teras orang Brunei dan menjadikan warisan budaya sebagai asas pembangunan diri, persatuan dan Negara.



KATEGORI ANUGERAH-ANUGERAH

HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-11, 2016

Anugerah Belia Cemerlang

Anugerah Belia Berkhidmat

Anugerah Pemimpin Muda Belia

Anugerah Projek Cemerlang Persatuan Untuk Belia



Pencalonan-Pencalonan Anugerah

Anugerah Belia Cemerlang

1. **YANG MULIA AWANG IRWAN BIN NORDIN @ RINO**
Pemangku Penolong Komandan
Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam
2. **YANG MULIA AWANG MOHAMAD SHAHRIN BIN SHAHBUDIN**
Naib Yang Di-Pertua
Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA)
3. **YANG MULIA AWANG PAUL CHIEW YUN CHOI**
Timbalan Pengurus & Ketua Operasi
Kumpulan Sukarelawan Humanitarian Emergency Aid Response Team (H.E.A.R.T.)
4. **YANG MULIA AWANG MOHAMAD ZUL-HAFIZ BIN AWANG TENGAH**
Pegawai Pelajaran
Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
5. **YANG MULIA DAYANG SITI HUZZAIMAH YADEY BINTI HAJI ROSLI**
Guru Ugama Terlatih, Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Ahli Persatuan Wanita Kampong Junjungan (PEWAJA)

Anugerah Belia Berkhidmat

1. **YANG MULIA AWANG HAYRUL ERYWAN BIN HAJI ABDUL WAHAB**
Setiausaha Agung
Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA)
2. **YANG MULIA AWANG IRWAN BIN NORDIN @ RINO**
Pemangku Penolong Komandan
Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam
3. **YANG MULIA AWANG HAJI MUHAMMAD IQBAL BIN HAJI DAMIT**
Presiden
Persatuan ILHAM



Pencalonan-Pencalonan Anugerah

4. YANG MULIA AWANG MOHAMMAD KHAIRUL AZMI BIN HAJI MOHD SALLEH
Pemangku Pengerusi
Society for Community Outreach and Training (SCOT)
5. YANG MULIA AWANG MUHAMMAD ROZAINI BIN HAJI MOHD HUSAINI
Alumni Indonesian Arts & Culture Scholarship 2015
Jurulatih / Penari
6. YANG MULIA DAYANG NURIZZATUL IZZAH BINTI HAJI ABD RAHMAN
Setiausaha Persatuan Kemajuan Insan (KESAN)
Ketua Biro Belia Brunei Cemerlang (MBB)
7. YANG MULIA AWANG PAUL CHIEW YUN CHOI
Timbalan Pengerusi & Ketua Operasi
Kumpulan Sukarelawan Humanitarian Emergency Aid Response Team (H.E.A.R.T.)
8. YANG MULIA AWANG WADI BIN SAHRUN
Ahli Jawatankuasa Tertinggi
Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM)

Anugerah Pemimpin Muda Belia

1. YANG MULIA AWANG MOHAMMAD ANWAR BIN AWG HAJI MOHAMMAD Pengerusi
Society for Community Outreach and Training (SCOT)
2. YANG MULIA AWANG ISWANDY BIN AHMAD
Yang Di-Pertua
Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam
3. YANG MULIA AWANG MOHAMAD SHAHRIN BIN SHAHBUDIN
Naib Yang Di-Pertua
Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA)
Anugerah Projek Cemerlang Persatuan Untuk Belia

Pencalonan-Pencalonan Anugerah

Anugerah Projek Cemerlang Persatuan Untuk Belia

1. **PERSATUAN KEMAJUAN INSAN (KESAN)**
Projek : Belia Brunei Berbakti (3B) - Bruneiku
2. **ALUMNI SBYLEP**
Projek : Diaper Donation Drive Thru
3. **PERSATUAN MOTOSIKAL DARUSSALAM (PEMODA)**
Projek : Festival Antarabangsa Motosikal Berkuda Tinggi Kepulauan Borneo Kali Ke-16
4. **MAJLIS AIDS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
Projek : HIV Awareness Programme for Peers and Youth (HAPPY)
5. **KUMPULAN SUKARELAWAN HUMANITARIAN EMERGENCY AID RESPONSE TEAM (H..E.A.R.T)**
Projek : Independent, Low Profile & Professional Volunteers Group
6. **MAJLIS KESEJAHTERAAN MASYARAKAT (MKM)**
Projek : Klinik Bantuan Guaman dan Khidmat
7. **PUSAT PEMBANGUNAN BELIA**
Projek : Kursus Pemandu Jentera Berat
8. **ALUMNI SBYLEP**
Projek : Post Flood in Kelantan
9. **JABATAN BELIA DAN SUKAN**
Projek : Program Belia Cinta Tanah Air
10. **ALUMNI SBYLEP**
Projek : Projek Korban dan Aqiqah Kemboja
11. **ALUMNI SBYLEP**
Projek : Read or Take It (ROTI)
12. **SOCIETY FOR COMMUNITY OUTREACH AND TRAINING**
Projek : SCOT Green Xchange
13. **SOCIETY FOR COMMUNITY OUTREACH AND TRAINING**
Projek : SCOT Education





*Imbasan Gambar-Gambar
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-10,
Tahun 2015*





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Semasa Mengurniakan Titah.**





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat-Kerabat Diraja bersama
Penerima Penerima Anugerah Belia Kebangsaan 2015

**Imbasan Gambar-Gambar
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-10, 2015
(Penerima-Penerima Anugerah)**



Penerima Anugerah Pemimpin Belia Berjasa
Yang Mulia Datin Dayang Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia
Dato Paduka Haji Mohd. Yusof



Penerima Anugerah Khidmat Belia
Yang Mulia Dayang Nurliyana Fatin binti Ariffin

Imbasan Gambar-Gambar
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-10, 2015
(Penerima-Penerima Anugerah)




Penerima Anugerah Belia Cemerlang
Yang Mulia Awang Goh Kiat Chun @ Wu Chun




Penerima Anugerah Persatuan Belia
“Society For Community Outreach and Training (SCOT)”

**Imbasan Gambar-Gambar
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-10, 2015**



**Imbasan Gambar-Gambar
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-10, 2015**



Imbasan Gambar-Gambar Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-10, 2015



**Imbasan Gambar-Gambar
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-10, 2015**



**Imbasan Gambar-Gambar
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-10, 2015**



*Gambar-Gambar
Jawatankuasa-Jawatankuasa
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11,
Tahun 2016*

AHLI-AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI



JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-11, TAHUN 2016

Pengerusi

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B)
Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof,
Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

Setiausaha Bersama

Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya
Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin
Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka
Haji Abdul Jalil
Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Timbalan Setiausaha

Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penolong Setiausaha Bersama

Yang Mulia Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd Daud
Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan

Ahli-Ahli

Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin
Pengiran Mohd Yusof
Penolong Kanan Yang Dipertua Adat Istiadat Negara,
Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
*Timbalan Pengarah Gerakan
Pasukan Polis Diraja Brunei*

Yang Mulia
*Pengarah Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia
*Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pembangunan*

Yang Mulia
*Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan*

Yang Mulia
*Pengarah Radio Televisyen Brunei,
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia
*Pemangku Pengarah Penerangan,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia
*Pemangku Pengarah Percetakan,
Jabatan Percetakan Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri*

Yang Mulia
*Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah,
Jabatan Sekolah-Sekolah,
Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia
*Pengarah Pendidikan Kokurikulum
Jabatan Pendidikan Kokurikulum
Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia
*Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid
Jabatan Hal Ehwal Masjid
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

Yang Mulia
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
Kementerian Kesihatan*

Yang Mulia
*Pengarah Perkhidmatan Hospital
Kementerian Kesihatan*

Yang Mulia Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar
Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria
*Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan
*Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd Daud
*Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia Kol. [B] Pengiran Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail
*Pengarah Program Khidmat Bakti Negara
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid
*Pemangku Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

Yang Mulia Awang Haji Mohd Abdoh bin Haji Awang Damit
Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Dayang Hajah Noridah binti Abd Hamid
Pemangku Pengarah Perkhidmatan Sosial
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd Hassan
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Awang Hanafi bin Haji Salleh
Timbalan Pengetua Pusat Sejarah
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Dayang Hajah Rostinah binti Pehin Orang Kaya
Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd Tahir
Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Dayang Hajah Fatimah binti Haji Aji
Pemangku Pengarah Muzium-Muzium
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Prof. Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid
Yang Dipertua Majlis Belia Brunei

Yang Mulia Datin Dayang Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya
Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd Yusof
Yang Dipertua Majlis Wanita Brunei Darussalam

Ketua Urus Setia
Yang Mulia Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA URUS SETIA



Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih

*Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-11, 2016
sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan
terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja
dan semua pihak termasuk pertubuhan bukan Kerajaan,
orang perseorangan serta orang ramai yang telah turut sama dalam
memberikan kerjasama dan sumbangan menjayakan
Sambutan Hari Belia Kebangsaan
Kali Ke-11, 2016*



بلياكيت ماس دفن كيت

Our Youth Our Future

Dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.